

15 NOV 1997

Sokongan-Mahathir

UMNO SABAH TURUT BANTAHAN DRAF RESOLUSI ANGGOTA KONGRES AS

KOTA KINABALU, 15 Nov (Bernama) -- Umno Sabah hari ini menyuarakan bantahan keras terhadap draf resolusi sekumpulan anggota Kongres Amerika Syarikat meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon maaf atau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri kerana dilaporkan menyatakan terdapat konspirasi Yahudi di sebalik krisis mata wang di Asia Tenggara.

Ketua Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam berkata Umno negeri menganggap tindakan anggota-anggota Kongres Amerika Syarikat itu sebagai satu usaha campur tangan dalam urusan dalaman sebuah negara yang berdaulat dan merdeka.

"Umno Sabah juga mengulangi pendirian untuk menyokong kepimpinan Perdana Menteri dalam menghadapi cabaran dan masalah ekonomi yang melanda negara," katanya kepada pemberita di sini selepas mempengerusikan mesyuarat Umno Sabah di sini.

Di ALOR SETAR, Persatuan Belia Buddhist Kedah telah meluluskan satu resolusi menyokong sepenuhnya kepimpinan Dr Mahathir.

Naib Pengerusinya yang juga Pengerusi Biro Hal Ehwal Urusan Kerajaan Woon Yong Teai memberitahu Bernama hari ini, resolusi itu telah diluluskan dalam mesyuarat jawatankuasa persatuan di sini semalam.

Beliau berkata tindakan anggota kongres Amerika itu keterlaluan kerana ia mempersoalkan kewibawaan seorang pemimpin yang dipilih secara demokratik.

Woon berkata sebagai sebuah negara yang telah merdeka dan berdaulat, Malaysia tidak memerlukan tunjuk ajar daripada anggota Kongres Amerika untuk menentukan apa yang patut dilakukan di negara ini.

Di KUANTAN, Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob akan membentangkan usul menyokong kepimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri pada persidangan Dewan Undangan Negeri minggu depan.

Usul itu untuk membuktikan sokongan padu anggota Dewan Undangan Negeri Pahang kepada Dr Mahathir, katanya kepada pemberita selepas melancarkan projek Bandar Damansara Kuantan berharga RM1.3 bilion.

Dewan Undangan Negeri Pahang akan bersidang selama tiga hari mulai Isnin ini.

Di JOHOR BAHRU, Badan Perhubungan Umno Johor mengutuk tindakan anggota Kongres Amerika yang membuat usul meminta Dr Mahathir meletak jawatan sebagai Perdana Menteri.

Pengerusinya, Datuk Abdul Ghani Othman berkata Umno Johor menentang sekeras-kerasnya campur tangan oleh sekumpulan anggota Kongres Amerika itu dalam sistem demokrasi dan proses pemilihan pemimpin negara ini.

"Kita membuat pendirian mengutuk anggota Kongres Amerika yang mahu menunjukkan undang-undang negaranya hingga sampai ke peringkat antarabangsa," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Perhubungan Umno Negeri.

Abdul Ghani berkata Umno Johor membuat ketetapan untuk menyokong Dr Mahathir dan menaruh kepercayaan kepada beliau sebagai Perdana Menteri. --
BERNAMA